

**Abdul Khalid Percaya Istana Selangor Akan Beri Maklum Balas Calon MB Segera Bernama
Sept 3, 2014**

SHAH ALAM, 3 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata beliau percaya pihak Istana akan memberi maklum balas secepat mungkin terhadap cadangan nama-nama calon menteri besar baharu daripada tiga parti dalam pakatan pembangkang.

Beliau berkata kerajaan negeri dimaklumkan bahawa ketiga-tiga parti iaitu PKR, PAS dan DAP telah pun menghantar calon-calon bagi jawatan menteri besar kepada Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah seperti yang diarah baginda.

"Saya percaya proses seterusnya akan menyusul dan pihak Istana akan memberi maklum balas terhadap cadangan yang diberikan," katanya dalam sidang media selepas mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Menteri besar itu bagaimanapun menyatakan beliau tidak berminat untuk mengambil tahu siapa calon yang bakal menggantikan tempatnya.

Katanya beliau tidak boleh terlibat dalam proses pelantikan menteri besar yang baharu memandangkan beliau mempunyai kepentingan dalam perkara itu.

Abdul Khalid berkata buat sementara waktu ini pentadbiran kerajaan negeri akan berjalan seperti biasa di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sedia ada.

Sehubungan itu, Abdul Khalid menyeru semua pihak supaya bersabar dan membenarkan proses dijalankan mengikut tatacara Undang-Undang Tubuh Negeri serta adat istiadat negeri Selangor.

Mengenai cadangan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) di Selangor supaya diadakan pilihan raya negeri, menteri besar itu berkata perkara itu terpulang kepada budi bicara Sultan Selangor.

Katanya beliau tidak boleh membuat sebarang kenyataan kerana bimbang ia akan menimbulkan spekulasi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1065684>